

Komunikasi Antarabudaya Pelarian Rohingya di Malaysia: Peranan Pekerjaan dan Pendidikan dalam Akulturas dan Integrasi

BALQIS AINI MUSTAFA

ABDUL LATIFF AHMAD

JAMALUDDIN AZIZ

ANDIKA AB. WAHAB

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Adaptasi antarabudaya merupakan proses penyesuaian yang melibatkan komunikasi di antara individu dan persekitaran tuan rumah. Proses ini berlaku selagi adanya "interaksi" dengan persekitaran tuan rumah. Di Malaysia, pelarian Rohingya merupakan populasi pelarian terbesar setakat Mei 2023. Populasi ini merupakan populasi yang berhijrah secara paksa dan turut mengalami adaptasi antarabudaya setibanya mereka di Malaysia. Malaysia bukanlah negara parti kepada Konvensyen Pelarian 1951 atau Protokol 1967. Pada masa yang sama, Malaysia juga tidak mempunyai rangka kerja perundungan atau pentadbiran yang khusus untuk meregulasi status dan hak pelarian di negara ini. Hal ini menyukarkan mereka mendapat peluang pekerjaan dan akses kepada pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk menyelami pengalaman adaptasi antarabudaya pelarian Rohingya di Malaysia dalam aspek pekerjaan dan pendidikan; serta melihat aplikasi kerangka konseptual integrasi Ager dan Strang (2008). Seramai 15 orang pelarian Rohingya lelaki yang menetap di sekitar Lembah Klang telah ditemui bual. Analisis data mendapati pengalaman pelarian Rohingya di Malaysia dalam aspek pekerjaan dan pendidikan sememangnya mencabar. Sungguhpun mereka mempunyai kekangan dalam mencari pekerjaan, mereka dapat menyara diri, keluarga, serta menghantar wang kepada ahli keluarga di luar negara. Selain itu, pekerjaan juga menjadi platform untuk mereka mempelajari Bahasa Melayu dengan wujudnya komunikasi di tempat kerja. Dalam aspek pendidikan pula, sungguhpun pelarian Rohingya di Malaysia berhadapan cabaran untuk mengakses pendidikan, mereka tetap berharap anak-anak mereka akan mendapat pendidikan yang sewajarnya. Kajian ini turut mendapati bahawa pekerjaan dan pendidikan merupakan aspek penting yang menyokong komunikasi antarabudaya terutamanya berkaitan akulturas dan integrasi pelarian Rohingya di Malaysia.

Kata kunci: *Pelarian Rohingya, pekerjaan, pendidikan, akulturas, integrasi.*

Intercultural Communication of Rohingya Refugees in Malaysia: The Role of Employment and Education in Acculturation and Integration

ABSTRACT

Intercultural adaptation is a process of adjustment that involves communication between individuals and the host environment. This process occurs as long as there is "interaction" with the host environment. In Malaysia, the Rohingyas are the largest refugee population as of May 2023. This population migrated forcibly and experienced intercultural adaptation upon their arrival in Malaysia. Malaysia is not a party to the 1951 Refugee Convention or its 1967 Protocol. Moreover, Malaysia does not have a specific legal or administrative framework to regulate the status and rights of refugees in this country. This makes it difficult for them to get job opportunities and access to education. This study aims to delve into the intercultural adaptation experiences of Rohingya refugees in accessing

employment and education in Malaysia; and applying Ager and Strang's (2008) conceptual framework of integration. A total of 15 male Rohingya refugees residing in Klang Valley were interviewed. Data analysis found that the experience of Rohingya refugees in Malaysia in accessing employment and education is indeed challenging. Although they are having difficulties securing a job, they are able to support themselves, their families, and send money to family members abroad. In addition, employment also acts as a platform for them to learn Bahasa Melayu through communication at the workplace. Despite facing challenges in accessing education, they are still hoping their children will receive proper education. This study also found that employment and education are crucial to support intercultural communication especially related to acculturation and integration of Rohingya refugees in Malaysia.

Keywords: *Rohingya refugees, employment, education, acculturation, integration.*

PENGENALAN

Menurut Kim Young Yun (2001), adaptasi antarabudaya merupakan proses komunikasi antarabudaya di antara individu dan persekitaran tuan rumah (*host culture environment*). Justeru itu, adaptasi antarabudaya berlaku selagi adanya komunikasi dan interaksi di antara individu dan persekitaran tuan rumah. Krisis pelarian global merupakan topik yang sering dibincangkan di arena antarabangsa. Saban tahun, jumlah pelarian kian meningkat di seluruh dunia. Pelarian secara amnya bermigrasi secara paksa (*forced migration*) ke negara lain untuk mendapatkan perlindungan akibat daripada faktor-faktor seperti penganiayaan, konflik, keganasan, atau pelanggaran hak asasi manusia.

Malaysia merupakan salah satu negara transit bagi pelarian di rantau Asia Tenggara. Menurut UNHCR (n.d.), setakat Mei 2023, terdapat sejumlah 181,300 orang pelarian dan pencari suaka yang berdaftar dengan UNHCR Malaysia. Lebih daripada separuh (105,330 orang) merupakan etnik Rohingya yang datang dari Myanmar, justeru menjadikan populasi pelarian Rohingya sebagai populasi pelarian terbesar di Malaysia. Walaupun Malaysia menerima pelarian atas dasar kemanusiaan, Malaysia bukanlah negara parti kepada Konvensyen Pelarian 1951 (*Convention relating to the Status of Refugees 1951*) atau Protokol 1967 (*1967 Protocol*). Pada masa yang sama, Malaysia juga tidak mempunyai rangka kerja perundangan atau pentadbiran yang khusus untuk meregulasi status dan hak pelarian di negara ini. Malaysia menganggap pelarian dan pencari suaka di negara ini sebagai pendatang asing tanpa izin (Andika, 2017, 2018; Nur Syazwani & Ishtiaq, 2019). Hal ini menjadikan mereka sukar untuk mendapatkan akses kepada pekerjaan dan pendidikan.

Artikel ini merupakan sebahagian daripada kajian yang lebih besar, merangkumi dua konsep komunikasi antara budaya iaitu adaptasi dan integrasi pelarian Rohingya di Malaysia. Atas sebab kekangan ruang, artikel ini memberi fokus kepada dua tema utama yang dikenal pasti melalui kajian tersebut, iaitu pekerjaan dan pendidikan. Berdasarkan kerangka konseptual integrasi oleh Ager dan Strang (2008; Ndofor-Tah et al., 2019) yang dirujuk, pengkaji ingin melihat sama ada pekerjaan dan pendidikan mempengaruhi akulterasikan dan integrasi pelarian Rohingya di negara tuan rumah Malaysia, seperti yang dicadangkan oleh kerangka konseptual tersebut. Justeru, tujuan utama artikel ini ialah untuk mengkaji pengalaman pelarian Rohingya di Malaysia dalam aspek pekerjaan dan pendidikan, sebagai sebahagian daripada proses komunikasi yang berlaku dengan persekitaran tuan rumah.

TINJAUAN LITERATUR

Pelarian dan Pekerjaan

Pekerjaan amat penting bagi memenuhi keperluan hidup. Menurut Yijala dan Luoma (2019), pekerjaan dianggap sebagai salah satu faktor yang paling penting bagi kejayaan akulterasi di negara baharu. Salah satu isu utama yang timbul semasa akulterasi buat populasi pelarian ialah kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Mencutek dan Nashwan (2020) menyatakan sungguhpun Konvensyen Pelarian 1951 mencadangkan hak untuk bekerja sebagai standard minimum untuk layanan terhadap pelarian, negara tuan rumah mempunyai kuasa serta budi bicara untuk memutuskan sama ada golongan tersebut diberikan hak untuk bekerja atau tidak. Ini termasuklah pekerjaan di sektor awam dan swasta, serta bekerja sendiri. Malah, bagi negara-negara bukan parti kepada Konvensyen Pelarian 1951, mereka tidak terikat untuk memenuhi standard minimum tersebut.

Kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan buat populasi pelarian mampu mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada populasi tersebut. Contohnya, mereka tidak mampu menampung kehidupan seharian, serta boleh menyebabkan kemerosotan kesihatan mental dan fizikal. Tip et al. (2020) dalam kajian mereka mendapati pelarian di UK yang tidak bekerja berhadapan dengan masalah kewangan, di mana apabila dibiarkan berlanjutan memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental mereka. Begitu juga dengan kajian Pezerović, Babić dan Porobić (2019), mereka mendapati pengangguran dalam kalangan pelarian di Bulgaria mengakibatkan tekanan untuk menampung hidup terutamanya dalam institusi kekeluargaan.

Pekerjaan merupakan pengaruh utama terhadap kesihatan pelarian (Wong et al., 2019; Wood et al., 2019; Yijala & Luoma, 2019). Sebagai contoh, kajian oleh Wood et al. (2019) mendapati pelarian Afrika di Australia berada lebih sihat secara keseluruhan apabila bekerja, melalui aktiviti fizikal pekerjaan itu sendiri, dan dengan wujudnya rutin harian. Begitu juga dengan kajian oleh Wong et al. (2019), mereka mendapati bahawa bekerja secara tidak langsung memberi manfaat kepada kesihatan fizikal pelarian Myanmar di Australia melalui perjalanan pergi balik ke tempat kerja, serta aktiviti pekerjaan itu sendiri. Pekerjaan mempunyai kesan yang positif bukan sahaja terhadap kesihatan fizikal, malah kesihatan psikologi dan kepuasan hidup pelarian (Khawaja & Hebbani, 2019; Yijala & Luoma, 2019).

Pelarian kebiasaannya lebih mudah mendapat pekerjaan di sektor buruh seperti pembinaan dan pertanian, dan bukannya di sektor lain yang bersesuaian dengan kelayakan dan kemahiran mereka (Vickers et al., 2016; Mencutek & Nashwan, 2020). Menurut Vickers et al. (2016) serta Mencutek dan Nashwan (2020) lagi, pelarian lazimnya dieksplotasi dengan bayaran yang rendah dan waktu bekerja yang panjang. Contohnya, Flug dan Hussein (2019) dalam kajian mereka mendapati majoriti pelarian di Newcastle yang mempunyai kelayakan serta pengalaman profesional. Namun, mereka bekerja sebagai buruh pembinaan dengan bayaran yang rendah kerana kelayakan mereka tidak diiktiraf di UK. Hal ini serupa dengan kajian oleh Labys, Dreyer dan Burns (2017) serta Wong et al. (2019), di mana kelayakan dan pengalaman kerja pelarian dalam kajian mereka tidak diiktiraf di Afrika Selatan dan Australia.

Tambahan lagi, peluang untuk mendapatkan pekerjaan juga dikaitkan dengan kemahiran bahasa tuan rumah. Sekiranya pelarian mampu menguasai bahasa tuan rumah, mereka lebih berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan. Contohnya, kajian oleh Colvin dan Munz (2020) serta Owino dan Weber (2020) mendapati pentingnya penguasaan bahasa tuan rumah untuk mendapatkan pekerjaan. Selain itu, pekerjaan juga didapati dapat membantu penguasaan bahasa tuan rumah dalam kalangan pelarian (Flug & Hussein, 2019; Yijala &

Luoma, 2019). Seperti dalam kajian Flug dan Hussein (2019), interaksi dan komunikasi pelarian di Newcastle dengan rakan sekerja dan/atau pelanggan membantu meningkatkan kemahiran bahasa tuan rumah mereka.

Pelarian Rohingya di Malaysia lazimnya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan kerana status mereka sebagai pelarian, serta kesukaran berkomunikasi (Andika, 2017; Divaghar & Khadijah, 2019). Justeru, mereka melibatkan diri dalam sektor ekonomi tidak formal di Malaysia (Andika, 2017; Norazira, 2014). Contohnya, antara pekerjaan yang dilakukan oleh pelarian Rohingya adalah seperti pembantu di pasar borong, restoran atau kedai makan, bengkel, berkhidmat sebagai tukang cuci, dan pekerja komuniti atau guru. Selain itu, terdapat juga yang bekerja sendiri (*self-employed*) dengan melakukan pekerjaan seperti memotong rumput, mengumpul bahan kitar semula, sub kontraktor, ejen pemindahan wang tidak rasmi, dan peniaga runcit (Andika, 2017).

Kajian lepas juga mendapati pelarian sering dieksplotasi (e.g., waktu bekerja yang panjang, bayaran yang rendah, atau tidak dibayar langsung) (Andika, 2017; Parthiban, 2020). Mereka bukan sahaja dieksplotasi, malah berisiko untuk dikenakan tindakan undang-undang. Sebagai contoh, Andika (2017) menyatakan bahawa pelarian dan pencari suaka Rohingya yang bekerja secara tidak formal di Malaysia boleh dikenakan pelbagai hukuman di bawah pelbagai undang-undang domestik seperti Akta Imigresen 1959/63, Akta Pekerjaan 1995 dan Akta Syarikat 1965. Namun, terdapat anggota penguatkuasa yang tidak mengendahkan laporan atau tidak mengenakan tindakan apabila berjumpa dengan orang pelarian atau pencari suaka Rohingya yang bekerja secara haram, atau menjalankan perniagaan mereka yang tidak sah. Sungguhpun begitu, terdapat juga segelintir anggota penguatkuasa yang mengambil kesempatan untuk memeras mereka.

Pelarian dan Pendidikan

Menurut Nicholson dan Kumin (2017), akses kepada pendidikan untuk kanak-kanak pelarian juga merupakan salah satu standard minimum layanan terhadap pelarian. Namun, sama seperti hak untuk mendapatkan pekerjaan, setiap negara tuan rumah mempunyai undang-undang atau polisi yang tersendiri berkenaan akses kepada pendidikan kanak-kanak bukan warganegara.

Koehler dan Schneider (2019) menyatakan kanak-kanak pelarian menghadapi masalah untuk mengakses pendidikan di negara tuan rumah kerana prosedur yang rumit, sekatan undang-undang, dan polisi pendidikan. Prosedur yang rumit dan sekatan undang-undang menghalang penyertaan kanak-kanak pelarian dalam pendidikan kerana ia bergantung pada status atau peringkat dalam permohonan suaka. Dokumen khusus seperti visa dan kad pengenalan juga diperlukan, di mana kebanyakan pelarian tidak mempunyai dokumen sedemikian (Kavian et al., 2020).

Di samping itu, kurangnya sumber seperti guru terlatih, bahan pengajaran, dan kemudahan yang sesuai juga menghalang kanak-kanak pelarian untuk mendapatkan pendidikan (UNICEF, 2017). Menurut Crul et al. (2019), ekoran kemasukan populasi pelarian secara besar-besaran, kebanyakan negara masih menangani masalah ini secara *ad hoc*, menggunakan langkah penyelesaian sementara untuk jangka masa yang terhad. Justeru, negara tuan rumah harus bertindak awal dan merancang polisi pendidikan buat kanak-kanak pelarian dan pencari suaka kerana seperti yang dihujahkan Koehler dan Schneider (2019), krisis pelarian bukanlah sementara, dan kebanyakan pelarian akan tinggal di negara tuan rumah untuk tempoh masa yang lama. Menyediakan pendidikan seawal dan selengkap

mungkin bukan sekadar menepati perjanjian antarabangsa, malah sekurang-kurangnya dapat ‘memperbaiki’ kesan akibat membesar dalam situasi perang atau kemiskinan yang melampau.

Di Malaysia, kajian-kajian lepas banyak membincangkan senario pelarian Rohingya di Malaysia berusaha mendapatkan akses kepada pendidikan buat anak-anak mereka. Hal ini kerana, sungguhpun mereka berada dalam situasi yang sukar, mereka tetap mengakui bahawa pendidikan amat penting bagi masa depan generasi muda mereka (Azlinariah, Azharuddin & Mohamad Rodzi, 2018; Divaghar & Khadijah, 2019; Kazi, Siti Darwinda & Muhammad Fuad, 2020).

Oleh kerana kanak-kanak pelarian tidak dapat menghadiri pendidikan formal, mereka lazimnya mendapatkan pendidikan di sekolah komuniti atau pusat pembelajaran komuniti. Pihak seperti UNHCR dan NGO mengendalikan pusat pembelajaran untuk kanak-kanak pelarian. Majoriti guru di sekolah dan pusat pembelajaran berasal dari komuniti pelarian sendiri, serta ada kalanya disertai sukarelawan tempatan dan asing. Namun, guru sukarela jarang datang ke pusat pembelajaran dan mengajar pelajar kerana masalah kewangan dan kekangan lain (Azlinariah, Azharuddin & Mohamad Rodzi, 2018). Selain itu, sekolah dan pusat pembelajaran juga lazimnya sempit, serta harus mengambil kira jumlah pelajar yang ramai dan pelbagai peringkat umur (Kazi, Siti Darwinda & Muhammad Fuad, 2020). Lokasi pula berbeza-beza seperti flat, rumah kedai, masjid dan surau (Azlinariah, Azharuddin & Mohamad Rodzi, 2018; Norazira, 2014). Perkara-perkara yang dibincangkan di atas merupakan beberapa contoh kekangan yang dihadapi oleh sekolah dan pusat pembelajaran komuniti Rohingya di Malaysia.

Tambahan lagi, terdapat juga kebimbangan terhadap kanak-kanak pelarian Rohingya di Malaysia yang tidak mendapat pendidikan sepatutnya. Menurut Azlinariah, Azharuddin dan Mohamad Rodzi (2018), kanak-kanak pelarian Rohingya lazimnya menjadi pengemis atau berisiko terlibat dalam aktiviti yang tidak sepatutnya kerana kurangnya peluang pendidikan. Ada di antara mereka yang terpaksa bekerja seperti di tapak pembinaan dan menjadi pengutip sampah. Serupa dengan kajian Kazi, Siti Darwinda dan Muhammad Fuad (2020) yang turut mendapati ramai kanak-kanak lelaki pelarian Rohingya berakhir sebagai buruh kanak-kanak untuk membantu keluarga mereka keluar daripada kemiskinan. Bagi kanak-kanak perempuan pula, mereka melakukan kerja-kerja rumah, menjaga adik-adik, serta lazimnya berkahwin pada usia yang muda. Sesetengah ibu bapa pelarian lebih gemar anak-anak mereka bekerja daripada bersekolah kerana mereka tidak berpeluang untuk mendapat pendidikan tinggi.


Kerangka Konseptual Integrasi

Kerangka Konseptual Integrasi oleh Ager dan Strang (2008) dibangunkan bertujuan untuk memahami integrasi pelarian di negara tuan rumah. Ager dan Strang (2008) mencadangkan 10 domain teras yang mencerminkan pemahaman normatif mengenai integrasi, serta menyediakan struktur untuk analisis yang relevan. 10 domain tersebut terdiri daripada pekerjaan, perumahan, pendidikan, kesihatan, jambatan sosial, ikatan sosial, pautan sosial, pengetahuan bahasa dan budaya, keselamatan dan kestabilan, serta hak dan kewarganegaraan. Kerangka konseptual integrasi ini berfungsi sebagai ‘teori pertengahan’ atau ‘middle-range theory’ yang berusaha untuk memberikan struktur konseptual yang koheren untuk mempertimbangkan dari perspektif normatif, apakah komponen utama integrasi.


Pada tahun 2019, kerangka konseptual tersebut telah ditambah baik (rujuk *Home Office Indicators of Integration Framework*, 2019) dan domain-domain sedia ada telah pun dikembangkan. Kerangka konseptual yang pada asalnya mempunyai 10 domain kini mempunyai 14 domain (pekerjaan, perumahan, pendidikan, penjagaan kesihatan dan sosial, waktu lapang, jambatan sosial, ikatan sosial, pautan sosial, bahasa dan komunikasi, budaya, kemahiran digital, keselamatan, kestabilan, serta hak dan tanggungjawab).

Berbalik kepada fokus artikel ini iaitu pekerjaan dan pendidikan – kedua-duanya merupakan komponen utama yang menyokong integrasi pelarian di negara tuan rumah. Pertama, pekerjaan menyediakan mekanisme penjanaan pendapatan, kebebasan ekonomi, serta kemajuan (Ndofor-Tah et al., 2019). Di samping itu, ia juga membantu merancang masa depan, sebagai platform bertemu masyarakat tuan rumah, menyediakan peluang untuk mengembangkan kemahiran berbahasa, mengembalikan harga diri, dan memberi semangat (Ager & Strang, 2008). Namun begitu, Ager dan Strang (2008) juga menekankan bahawa populasi pelarian dan pencari suaka sering menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan di negara tuan rumah, di mana kelayakan dan pengalaman kerja terdahulu mereka tidak diiktiraf.

Kedua, pendidikan merupakan sumber kemahiran dan kecekapan, yang menyokong pekerjaan serta membina anggota masyarakat yang aktif. Institusi pendidikan seperti sekolah juga secara tidak langsung menjadi pusat pertemuan pelarian dengan komuniti tuan rumah, di mana berlakunya pembelajaran bahasa dan pertukaran budaya. Hal ini memainkan peranan penting dalam menjalinkan hubungan yang menyokong integrasi (Ager & Strang, 2008; Ndofor-Tah et al., 2019). Ager dan Strang (2008) juga menyatakan terdapat halangan yang mempengaruhi integrasi di sekolah buat kanak-kanak pelarian. Antaranya seperti kurang sokongan untuk mempelajari bahasa tuan rumah, pengasingan, dan perkauman.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Integrasi (2008)
Diolah daripada Ager dan Strang (2008, hlm. 170)



Rajah 2: Kerangka Konseptual Integrasi (2019)
Diolah daripada Ndofor-Tah et al. (2019, hlm. 15)

METODOLOGI

Reka Bentuk dan Instrumen Kajian

Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif untuk kajian ini. Reka bentuk fenomenologi diambil kira untuk mendalami pengalaman pelarian Rohingya di Malaysia. Fenomenologi merupakan reka bentuk kualitatif di mana pengkaji berhasrat untuk memahami pengalaman hidup manusia, berdasarkan informasi yang diperolehi melalui temu bual (Creswell, 2013).

Justeru itu, temu bual mendalam merupakan instrumen penting dalam kajian ini. Temu bual mendalam lebih sesuai digunakan jika dibandingkan dengan perbincangan kumpulan fokus apabila melibatkan populasi yang terpinggir dan rentan (*marginalised and vulnerable population*) seperti pelarian. Kajian ini menggunakan format separa struktur untuk temu bual mendalam, bagi mendapatkan data yang relevan dan padat, serta tidak tersasar daripada fokus utama kajian. Antara soalan utama temu bual ialah seperti pengalaman akulturasi dan integrasi, serta cabaran dan isu yang dialami semasa di Malaysia.

Persampelan dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini, persampelan bola salji digunakan untuk mengenal pasti sampel untuk ditemu bual secara mendalam. Persampelan bola salji juga dikenali sebagai persampelan rujukan rantaian atau *chain-referral sampling* (Etikan, Alkassim & AbuBakar, 2016). Sampel kajian ini terdiri daripada pelarian Rohingya yang tinggal di sekitar Lembah Klang, di mana informan yang telah dikenal pasti akan mengesyorkan informan lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Sampel kajian direkrut sehingga data yang diperoleh mencapai tahap tepu (*saturation point*). Berikut merupakan ciri-ciri sampel kajian:

1. Rohingya yang telah mendapat status orang pelarian daripada UNHCR Malaysia (mempunyai kad UNHCR);
2. Tinggal sementara waktu atau menetap di sekitar Lembah Klang – Kuala Lumpur (e.g., Ampang) dan Selangor (e.g., Cheras, Kajang, Serdang, dan Selayang).
3. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun atau dikategorikan sebagai dewasa (menurut Akta Umur Dewasa 1971).
4. Boleh berbahasa Melayu atau Inggeris.

Seramai 15 orang pelarian Rohingya yang menetap di sekitar Lembah Klang ditemui bual untuk kajian ini. Kesemua informan adalah lelaki kerana pelarian Rohingya wanita menghadapi kesukaran untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Temu bual mendalam yang dijalankan telah dirakam menggunakan perakam audio dan seterusnya ditranskripsikan untuk tujuan analisis data.

Jadual 1: Senarai Informan

Informan	Umur	Jantina	Status perkahwinan	Tempoh menetap di Malaysia	Pekerjaan
A1	45 tahun	Lelaki	Berkahwin	20 tahun	Tukang kebun
A2	28 tahun	Lelaki	Berkahwin	16 tahun	Besi buruk
A3	29 tahun	Lelaki	Berkahwin	14 tahun	Potong rumput
A4	34 tahun	Lelaki	Berkahwin	14 tahun	Potong rumput
A5	32 tahun	Lelaki	Berkahwin	6 tahun	Potong rumput
A6	33 tahun	Lelaki	Berkahwin	15 tahun	Potong rumput
A7	31 tahun	Lelaki	Berkahwin	15 tahun	Kontraktor pembersihan
A8	40 tahun	Lelaki	Berkahwin	24 tahun	Ketua komuniti
A9	24 tahun	Lelaki	Bujang	7 tahun	Guru B. Inggeris
A10	35 tahun	Lelaki	Berkahwin	17 tahun	Potong rumput, kontraktor pembersihan
A11	33 tahun	Lelaki	Berkahwin	16 tahun	Kontraktor pembinaan
A12	28 tahun	Lelaki	Berkahwin	10 tahun	Potong rumput
A13	32 tahun	Lelaki	Berkahwin	10 tahun	Besi buruk
A14	24 tahun	Lelaki	Bujang	8 tahun	Potong rumput, kontraktor pembersihan
A15	49 tahun	Lelaki	Berkahwin	32 tahun	Juruteknik

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Mengambil Bahagian

Pengkaji telah pun mendapat kelulusan etika daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (No. Rujukan: JEP-2021-798). Informan yang terlibat semuanya berumur 18 tahun ke atas, maka tidak ada kanak-kanak bawah umur terlibat dalam kajian ini. Persetujuan bertulis juga telah ditandatangani oleh semua informan yang menyatakan dengan jelas hak dan sifat penyertaan mereka dalam kajian sebelum temu bual dijalankan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Analisis daripada data yang diperolehi menunjukkan pekerjaan dan pendidikan merupakan dua aspek utama yang dibincangkan semasa temu bual mendalam. Dalam kedua-dua aspek, pengalaman serta cabaran pelarian Rohingya di Malaysia telah dikenal pasti.

Pekerjaan

Walaupun tidak dapat bekerja secara sah, kesemua informan kajian ini mempunyai pekerjaan, sama ada bekerja dengan majikan atau bekerja sendiri. Bagi informan yang bekerja dengan majikan, mereka bekerja sebagai tukang kebun, memotong rumput, kontraktor pembersihan, kontraktor pembinaan, juruteknik dan guru di sekolah komuniti. Bagi yang bekerja sendiri pula, mereka menjalankan kerja kitar semula terutamanya besi buruk, memotong rumput, serta berkhidmat sebagai ketua komuniti. Perkara ini sama seperti kajian lepas oleh Norazira (2014) dan Andika (2017) di mana pelarian Rohingya melibatkan diri dalam sektor tidak formal di Malaysia.

Kesemua informan kajian ini bergantung dengan gaji mereka untuk menyara hidup. Walaupun dengan gaji yang tidak seberapa, mereka tetap bersyukur dapat meneruskan hidup dan menyara keluarga masing-masing. Sebahagian besar informan juga menghantar wang (*remittance*) kepada ahli keluarga di negara-negara seperti Myanmar, Bangladesh dan Indonesia. Jelas di sini pekerjaan merupakan faktor penting dalam menjamin kesihatan mental dan fizikal, serta kepuasan hidup pelarian di negara tuan rumah, serupa seperti yang dinayatakan dalam kajian lepas oleh Khawaja dan Hebbani (2019); Pezerović, Babić dan Porobić (2019), Wong et al. (2019), Wood et al. (2019), Yijala & Luoma (2019), serta Tip et al. (2020). Seperti yang dinyatakan oleh informan A1 dan A7 (bekerja dengan majikan) dan A13 (bekerja sendiri):

...gaji saya 1500, aaa sewa rumah sudah 500. Lepas tu aaa sendiri makan apa minum habis 500, saya hantar kampung 500. Alhamdulillah, ini bersyukur rakyat Malaysia dan government Malaysia, kalau saya kerja. Kalau takda, takda kerja, tak dapat wang...(informan A1).

...saya kerja sama dia kat KTM, stesen-stesen pembersihan. Itu pun buang sampah ke. Ada tong sampah kan, kasi keluar, kita pergi angkat lori, angkat buang. Pastu dia ada kerja sini buat longkang, saya ikut longkang, itu macam lah. Bila dia ada kerja, saya okaylah. Saya seronok ini macam...(informan A7).

...takda bos, takda apa-apa. Ini kerja kita, besi buruk kerja barang recycle. Tak payah tunggu bos sana mau pinjam wang, mau minta wang. So mau gaji, tak payah tunggu. Besi ini... hari-hari dapat. Hari-hari barang sikit cari, hari-hari beli itu barang, jual, untung RM20, RM30, RM50 kita boleh dapat Alhamdulillah. Tak payah tunggu gaji. Itu pun kita kerja ini...(informan A13).

Namun begitu, informan kajian ini turut berhadapan cabaran dari segi undang-undang kerana bekerja secara tidak sah di Malaysia. Oleh kerana kad pelarian UNHCR tidak memperuntukkan mereka untuk bekerja di negara ini, sekiranya mereka ditangkap oleh pihak berkuasa, mereka boleh dikenakan pelbagai hukuman di bawah pelbagai undang-undang domestik seperti Akta Imigresen 1959/63, Akta Pekerjaan 1995 dan Akta Syarikat 1965 seperti

yang dihujahkan oleh Andika (2017). Terdapat informan yang pernah dikenakan tindakan undang-undang kerana bekerja secara tidak sah. Walau bagaimanapun, mereka faham bahawa sebagai pelarian yang memegang kad pelarian UNHCR, bekerja secara tidak sah merupakan kesalahan di sisi undang-undang.

Seterusnya, seperti dalam kajian oleh Vickers et al. (2016), Andika (2017), Mencutek & Nashwan, 2020, dan Parthiban (2020) tentang pelarian dieksplotasi oleh majikan, hanya sorang sahaja informan kajian ini yang mempunyai pengalaman tidak dibayar gaji oleh majikan. Perkara ini berlaku semasa tahun pertama pandemik COVID-19 di Malaysia di mana banyak sektor ekonomi yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat untuk menangani pandemik tersebut. Informan terpaksa mencari jalan penyelesaian sendiri untuk meneruskan hidup. Seperti yang dikongsikan oleh informan A14:

...satu tahun langsung takda kerja. Itu Batu Caves dulu, saya pasang khemah kan. Itu kenduri punya. Memang tak boleh pasang tu khemah. Langsung tak boleh. Itu kenduri, baru boleh pasang. Langsung sampai satu tahun takda. Itu saya punya bos cakap bulan depan boleh, bulan depan boleh, bulan depan... sampai satu tahun. Macam mana? Dia makan pun takda bagi. Takda gaji. Langsung takda gaji. Makan pun takda bagi. Saya orang sendiri cari apa-apa... Langsung tak boleh makan macam mana? Lepas itu saya pindah...(informan A14).

Tambahan lagi, sungguhpun kajian oleh Colvin dan Munz (2020) serta Owino dan Weber (2020) mendapati pentingnya penguasaan bahasa tuan rumah untuk mendapatkan pekerjaan bagi pelarian, kajian ini mendapati sebaliknya. Pelarian Rohingya mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu dengan adanya peluang pekerjaan di mana mereka bekerja dan berkomunikasi dengan rakyat tempatan dan migran ekonomi yang boleh berbahasa Melayu. Komunikasi seharian dalam Bahasa Melayu menjadikan mereka cepat mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu. Sesetengah informan berkongsi bahawa mereka boleh berbahasa Melayu selepas beberapa bulan berada di Malaysia. Perkara ini serupa seperti kajian oleh Flug dan Hussein (2019) serta Yijala dan Luoma (2019) di mana komunikasi pelarian dengan rakan sekerja membantu meningkatkan kemahiran bahasa tuan rumah mereka. Contohnya, seperti yang dikongsikan oleh informan A2, A10 dan 12:

...saya mula-mula kerja kat kantin itu pun saya ikut dengan orang Melayu jugak. Masa tu saya tak pandai cakap. Diorang... lagi diorang sayang saya lah. Sebab saya macam orang... macam orang bodoh tak tau cakap apa semua kan. Diorang pun takda lah maki-maki saya. Tak suruh buat kerja sangat-sangat. Diorang pun sayang saya. Walaupun dia tunjuk ni, saya buat. Dia tunjuk tu saya buat. Dia tak marah saya. Okay, dia layan saya okay. Daripada situ lah saya mau pandai belajar cakap Melayu. Kat situ lah...(informan A2).

...saya dulu cakap Melayu pun tak tahu, takda faham. Saya kerja sikit sikit sikit kerja, lepas tu orang Indonesia lah... campur orang Indonesia, kerja-kerja, sikit-sikit pandai lah...(informan A10).

...ini kalau Indonesia ada, Melayu ada kerja sana sapu punya. Itu Indonesia, Indonesia banyak. Aaa dia cakap "Ini apa? Rumput." Saya lepas itu sudah dengar, oh ini rumput. Kalau nampak dia mintak "Air mau ka?" Haaa saya tau lah itu air. Itu macam ada sikit-sikit, sekarang sudah pandai lah...(informan A12).

Di sini jelas bahawa pekerjaan merupakan aspek penting dalam menyokong akulturasi dan integrasi pelarian Rohingya di Malaysia. Dengan adanya pekerjaan, mereka dapat memastikan kelangsungan hidup – menyara diri, keluarga, serta menghantar wang (*remittance*) kepada ahli keluarga di luar negara. Pada masa yang sama, pekerjaan juga memberikan kesan yang positif terhadap penguasaan Bahasa Melayu dengan wujudnya komunikasi dengan rakan sekerja. Walaupun berdepan pelbagai cabaran kerana bekerja secara tidak sah di Malaysia, mereka tetap tidak hilang semangat untuk terus meneruskan hidup. Dapatkan kajian ini menyokong kerangka konseptual integrasi yang mencadangkan pekerjaan sebagai elemen penting dalam integrasi pelarian di negara tuan rumah.

Pendidikan

Dalam aspek pendidikan pula, majoriti informan yang sudah berkahwin dan mempunyai anak menyuarkan keimbangan terhadap masa depan anak-anak mereka kerana tidak mendapat pendidikan. Seperti kajian-kajian lepas oleh Azlinariah, Azharuddin dan Mohamad Rodzi (2018), Divaghar dan Khadijah (2019), serta Kazi, Siti Darwinda dan Muhammad Fuad (2020), informan kajian ini juga mengakui bahawa pendidikan amat penting bagi masa depan generasi muda mereka. Pendidikan mampu mengubah nasib anak-anak mereka, kerana mereka tahu akan kesan daripada tidak mendapat pendidikan yang sewajarnya. Seperti yang disuarakan oleh informan A6 dan A13:

....kita sekarang pun 30-an, 33 sudah tua juga kan. Lebih kurang tua juga lah. Tapi saya punya anak budak kecik. Tapi kalau dia takda belajar, takda sekolah, kalau dia sampai umur 20... kalau umur tinggi macam mana mau... tapi dia tak tau haram, halal dia pun tak tau kalau dia takda belajar...(informan A6).

...saya sekarang pun, kurang sekolah punya pasal saya kutip besi buruk lah kak. Kalau saya sudah sekolah tinggi, saya pun boleh kerja, interpreter UNHCR. Saya kalau faham kan, boleh cakap English banyak, saya pun boleh kerja UN office. Saya boleh kerja sini pun boleh office-office boleh tu lain-lain. Itu punya pasal, kalau ada sekolah tinggi, tak payah kutip besi buruk. Boleh kerja office. Dia punya hidup senang, jalanan senang. Itu saja...(informan A13).

Selain itu, terdapat informan yang berkongsi pengalaman cuba untuk mengakses pendidikan untuk anak-anak mereka, namun tidak diterima kerana tidak mempunyai dokumen pengenalan seperti IC dan pasport. Perkara ini sama seperti kajian lepas oleh Koehler dan Schneider (2019) serta Kavian et al. (2020) di mana kanak-kanak pelarian menghadapi masalah untuk mengakses pendidikan di negara tuan rumah kerana prosedur yang rumit, sekatan undang-undang, dan polisi pendidikan. Seperti yang dikongsikan oleh informan A12:

...tak boleh sekolah lah kakak. Tak boleh sekolah. Saya sudah pergi 1 kali, Kajang sudah pergi. Tapi dia cakap mau pasport, mau IC. Itu sekolah saya tak tau. Ada sekolah... kita ada kawan-kawan, saya punya dulu ada bos satu sapu punya, itu Melayu. Dia cakap you pergi Kajang sekolah, you tanya dulu. Saya sudah pergi tanya lah, dia cakap mau ambil pasport, mau IC...(informan A12).

Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian informan yang berjaya menghantar anak ke sekolah kerajaan dan swasta dengan menggunakan kad pelarian UNHCR. Sungguhpun yuran yang dikenakan sekolah swasta agak tinggi, sesetengah informan sanggup untuk membayar yuran yang dikenakan demi memberikan pendidikan buat anak-anak mereka. Di sini amat jelas bahawa pelarian Rohingya amat menitikberatkan pendidikan buat anak-anak mereka, kerana mereka tahu pendidikan boleh mengubah nasib bangsa mereka. Sebagai bapa dan ketua keluarga, mereka sedar mereka memikul tanggungjawab yang besar untuk menyediakan pendidikan buat anak-anak mereka. Pengorbanan seorang ayah demi menyekolahkan anak-anak dalam populasi yang terpinggir dan rentan ini dikongsikan oleh informan A4 dan A15:

...ya lah saya... saya kerja pun... kerja gaji, saya punya anak belajar, makan pun tak cukup. Memang tak cukup. Aaa lepas tu saya mula-mula saya punya anak, sekolah Melayu punya. Sini aaa tadika punya lah. Tadika punya... Anak yang ini, no. 1, no. 2. Aaa semua 4 lah. Yang dulu mula-mula tadika itu bayar lebih. Bayar RM100 lebih satu bulan. Aaa lepas tu, tak cukup duit, pergi sana... tahfiz 1 orang. Itu pun Melayu juga. Dia duduk asrama sekali. Sorang bayar RM350 satu bulan. Sekarang ini kindergarten, satu bulan RM50. 2 orang RM100 bayar lah...(informan A4)

...saya ingat saya susah tak apa, janji saya punya anak-anak boleh belajar. So, saya dapat duit gaji walaupun tak cukup pun saya tak ada minta siapa-siapa. Anak-anak saya Alhamdulillah diorang dari kecil saya hantar kerajaan tadika sana saya boleh masukkan diorang. Sebab saya duduk taman ini, orang semua kenal sama saya, semua baik. Lagipun anak saya lahir sini juga, diorang semua masuk tadika. Lepas tadika tujuh tahun, darjah satu tak boleh masuk lagi sekolah kerajaan. So, masuk swasta. Semua masuk swasta sekolah rendah. So, saya kasi semua anak-anak saya masuk sekolah. Satu anak RM250. Satu bulan. Masuk daftar sana RM650...(informan A15).

Di sekolah komuniti atau pusat pembelajaran komuniti pula, wujud cabaran-cabaran seperti kekurangan sumber kewangan dan bahan pengajaran. Perkara ini sama seperti kajian lepas oleh Azlinariah, Azharuddin dan Mohamad Rodzi (2018) serta Kazi, Siti Darwinda dan Muhammad Fuad (2020) yang membincangkan kekangan di sekolah komuniti Rohingya. Oleh kerana sekolah komuniti beroperasi berdasarkan dana daripada pelbagai pihak, sekolah komuniti lazimnya berhadapan kekangan sumber untuk meneruskan operasi kerana tiada pendapatan atau hasil yang tetap setiap bulan. Contohnya seperti yang dikongsikan oleh informan A8 yang merupakan ketua komuniti di salah satu komuniti Rohingya di Lembah Klang dan informan A9, seorang guru di sekolah komuniti Rohingya di Lembah Klang:

...ini sekolah yang susah mahu hidup. Ada yang buka madrasah dia senang. Lepas itu, bila sekolah buka, orang bantu pun kurang. Saya sendiri rasa, kenapa sekolah ini kurang dapat bantuan? Sebab kalau ini madrasah dia boleh bantuan, mungkin ada orang tolong. Sekolah ini kalau kita bagi bantuan kita tak boleh dapat syurga, pahala tak boleh dapat. Sana kalau bagi bantuan, kita lebih boleh dapat Jannah, syurga. Rasanyalah. Melayu ke, orang Rohingya ke, Cina ke semua ini macam. Sekolahnya memang kurang bantuan...(informan A8).

...sekarang ni masalahnya text book ada. Text book ada, tapi kurang. Takda cukup... So kalau takda cukup, text book kan itu banyak dia tulisan. So kita tak boleh ajar dekat whiteboard, tak boleh tulis. Kita tulis pun takda cukup whiteboard tu, jadi kecil. So, kita tak boleh. Mesti kena semua orang kena ada text book...(informan A9).

Pendidikan memainkan peranan penting bagi kanak-kanak pelarian Rohingya di Malaysia. Pendidikan juga dilihat mampu menyokong akulturasi dan integrasi pelarian Rohingya di Malaysia. Perkara ini jelas dilihat dalam kesungguhan para bapa pelarian Rohingya untuk mendapatkan pendidikan buat anak-anak mereka kerana pendidikan mampu mengubah nasib generasi muda mereka. Sungguhpun berada dalam kesempitan, mereka sanggup untuk melakukan apa sahaja demi mendapatkan pendidikan buat anak-anak mereka. Biarpun berhadapan cabaran untuk mengakses pendidikan, mereka tetap tidak putus asa dan masih berharap anak-anak mereka akan mendapat pendidikan yang sewajarnya. Dapatan kajian ini menyokong kerangka konseptual integrasi yang mencadangkan pendidikan sebagai elemen penting dalam integrasi pelarian di negara tuan rumah.

KESIMPULAN

Adaptasi di dalam komunikasi antarabudaya merupakan proses penyesuaian yang melibatkan komunikasi di antara individu dan persekitaran tuan rumah. Semua bentuk "interaksi" dengan persekitaran tuan rumah adalah sebahagian daripada proses adaptasi antarabudaya pelarian Rohingya di Malaysia. Ini termasuklah dalam aspek pekerjaan dan pendidikan yang telah dibincangkan dalam kajian ini. Hasil kajian ini mendapati pekerjaan dan pendidikan adalah dua aspek penting yang mempengaruhi akulturasi dan integrasi pelarian Rohingya di Malaysia.

Akses kepada pekerjaan dan pendidikan merupakan standard minimum layanan terhadap pelarian (Mencutek & Nashwan, 2020; Yijala & Luoma, 2019; Nicholson & Kumin, 2017). Banyak kajian-kajian lepas mendapati pekerjaan sememangnya penting bagi populasi orang pelarian di negara tuan rumah. Di samping bekerja, informan kajian ini juga berpeluang mempelajari Bahasa Melayu dengan wujudnya komunikasi dengan majikan dan rakan sekerja di tempat kerja. Walaupun tidak dapat bekerja secara sah, serta berhadapan pelbagai cabaran dalam pekerjaan, mereka tetap tidak putus semangat. Informan kajian ini yang terdiri daripada pelarian lelaki Rohingya rata-ratanya merupakan ketua keluarga dan pencari nafkah. Selain menyara diri dan keluarga di Malaysia, mereka juga menghantar wang (*remittance*) kepada ahli keluarga di luar negara. Pekerjaan terbukti merupakan salah satu aspek penting bagi menjamin kelangsungan hidup dan menyokong akulturasi dan integrasi pelarian Rohingya di Malaysia.

Pendidikan buat kanak-kanak pelarian juga tidak kurang pentingnya seperti dalam kajian-kajian lepas. Seperti dalam kajian ini juga, majoriti informan yang juga bapa kepada kanak-kanak pelarian Rohingya menyuarakan bahawa pendidikan amat penting bagi masa depan anak-anak mereka, serta mampu mengubah nasib kaum mereka sendiri. Sekatan undang-undang atau polisi pendidikan yang tidak membenarkan anak-anak pelarian di Malaysia untuk mendapat pendidikan formal juga menjadi salah satu cabaran buat pelarian Rohingya di Malaysia. Ada sesetengah pelarian yang sanggup untuk membayar yuran yang tinggi demi menghantar anak-anak ke sekolah swasta. Sungguhpun mereka hidup dalam serba kekurangan, pendidikan tetap diutamakan kerana pendidikan menyokong akulterasi dan integrasi mereka ke dalam komuniti tempatan.

Hakikat bahawa Malaysia bukan merupakan negara parti kepada Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967, serta tidak mempunyai rangka kerja perundungan atau pentadbiran yang khusus untuk meregulasi status dan hak pelarian di negara ini menjadi sebab utama pelarian Rohingya di Malaysia berhadapan cabaran dalam aspek pekerjaan dan pendidikan. Jika menurut sarjana Ager dan Strang (2008) dalam kerangka konsep integrasi pelarian mereka (lihat juga dalam kajian Ndofor-Tah et al., 2019), pekerjaan dan pendidikan merupakan komponen utama yang menyokong akulterasi dan integrasi pelarian di negara tuan rumah. Pekerjaan merupakan mekanisme penjanaan pendapatan, kebebasan ekonomi, serta kemajuan; manakala pendidikan merupakan sumber kemahiran dan kecekapan, yang mampu menyokong pekerjaan serta membina anggota masyarakat yang aktif. Dapatkan kajian ini turut mendapati pekerjaan dan pendidikan sememangnya penting buat akulterasi dan integrasi pelarian Rohingya di Malaysia. Aplikasi kerangka konseptual integrasi oleh Ager dan Strang ini relevan apabila melihat aspek pekerjaan dan pendidikan buat populasi orang pelarian di negara tuan rumah. Kesimpulannya, melalui data yang diperoleh dalam kajian ini, serta aplikasi terhadap kerangka konseptual integrasi, jelaslah bahawa akses kepada pekerjaan dan pendidikan amat penting bagi menyokong akulterasi dan integrasi pelarian Rohingya di Malaysia.

BIODATA

Balqis Aini Mustafa adalah calon PhD di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penyelidikan beliau dalam bidang komunikasi antarabudaya. Email: balqisaini.mustafa@gmail.com

Dr. Abdul Latiff Ahmad adalah Profesor Madya di MENTION, FSSK, UKM, dan juga Pengarah Pusat Perhubungan Antarabangsa (UKM Global). Bidang penyelidikan beliau ialah komunikasi antarabudaya dan pengantarabangsaan. Email: alba@ukm.edu.my

Dr. Jamaluddin Aziz adalah Profesor Madya dalam Kajian Media Kritikal di MENTION, FSSK, UKM. Bidang penyelidikan beliau ialah media, budaya, wacana, jantina dan kajian skrin. Email: jaywalk@ukm.edu.my

Andika Ab. Wahab adalah Felo Penyelidik di Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), UKM, dan juga ahli Global Business and Human Rights Scholars Association. Bidang penyelidikan beliau ialah penghijrahan paksa dan buruh; penghormatan korporat kepada hak asasi manusia; dan antropologi korporat. Email: andikawahab@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Ager, A., & Strang, A. (2008). Understanding integration: A conceptual framework. *Journal of Refugee Studies*, 21(2), 166-191.
- Andika Ab. Wahab. (2017). Rethinking refugees as economically isolated: The Rohingyas participation in informal economy in Klang Valley, Malaysia. *Journal of ASEAN Studies*, 5(1), 100-118.
- Andika Ab. Wahab. (2018). The colours of exploitation: Smuggling of Rohingyas from Myanmar to Malaysia. *Akademika*, 88(1), 5-16.
- Azlinariah Abdullah, Azharudin Mohamed Dali, & Mohamad Rodzi Abd Razak. (2018). Surviving stateless refugees: The uncertain future of Rohingya's children in Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(1), 177-195.
- Colvin, J. W., & Munz, S. M. (2020). Voices of refugee women: Adaptation and identification. *Journal of Intercultural Communication Research*, 49(2), 156-171.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Crul, M., Lelie, F., Biner, O., Bunar, N., Keskiner, E., Kokkali, I., Schneider, J., & Shuayb, M. (2019). How the different policies and school systems affect the inclusion of Syrian refugee children in Sweden, Germany, Greece, Lebanon and Turkey. *Comparative Migration Studies*, 7(10), 1-20.
- Divaghar Voothayakumar, & Khadijah Alavi. (2019). Meneroka kesejahteraan sosial karen dan Rohingya di Sekolah Pelarian Myanmar di Chow Kit. *Asian People Journal*, 2(1), 1-11.
- Flug, M., & Hussein, J. (2019). Integration in the shadow of austerity – Refugees in Newcastle upon Tyne. *Social Sciences*, 8(212), 1-17.
- Etikan, I., Alkassim, R., & AbuBakar, S. (2016). Comparision of snowball sampling and sequential sampling technique. *Biometrics & Biostatistics International Journal*, 3(1), 1-2.
- Kavian, F., Mehta, K., Willis, E., Mwanri, L., Ward, P., & Booth, S. (2020). Migration, stress and the challenges of accessing food: An exploratory study of the experience of recent Afghan women refugees in Adelaide, Australia. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(1379), 1-16.
- Kazi Fahmida Farzan, Siti Darwinda Mohamed Pero, & Muhammad Fuad Othman. (2020). The dream's door: Educational marginalization of Rohingya children in Malaysia. *South Asian Journal of Business and Management Cases*, 9(2), 237–246.
- Khawaja, N. G., & Hebbani, A. (2019). Factors impacting life satisfaction of refugees in Australia: A mixed method study. *Australian Community Psychologist*, 30(1), 30-50.
- Kim Young Yun. (2001). *Becoming Intercultural: An Integrative Theory of Communication and Cross-cultural Adaptation*. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Koehler, C. & Schneider, J. (2019). Young refugees in education: The particular challenges of school systems in Europe. *Comparative Migration Studies*, 7(28), 1-20.
- Labys, C. A., Dreyer, C., & Burns, J. K. (2017). At zero and turning in circles: Refugee experiences and coping in Durban, South Africa. *Transcultural Psychiatry*, 54(5–6), 696-714.
- Mencutek, Z. S., & Nashwan, A. J. (2020). Perceptions about the labor market integration of refugees: Evidences from Syrian refugees in Jordan. *Journal of International Migration and Integration*, 22, 615–633.

- Ndofor-Tah, C., Strang, A., Phillimore, J., Morrice, L., Michael, L., Wood, P., & Simmons, J. (2019). *Home office indicators of integration framework*. Open Government Licence. https://assets.publishing.service.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment_data/file/1074688/home-office-indicators-of-integration-framework-2019-horr109.pdf
- Nicholson, F., & Kumin, J. (2017). *A guide to international refugee protection and building state asylum systems. Handbook for Parliamentarians N° 27.* UNHCR. <https://www.unhcr.org/3d4aba564.pdf>
- Norazira Ali. (2014). *Cabarancabaran pelarian Rohingya Muslim: Kajian kes di Pulau Pinang*. Kertas Kerja Seminar Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS). Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.
- Nur Syazwani Muzafarkamal, & Ishtiaq Hossain. (2019). Malaysia's policy towards the Rohingya refugees. *Journal of Islam In Asia*, 16(3), 436-453.
- Owino, J., & Weber, C.D. (2020). Explicating Anomie in Refugee women's integration narratives: A qualitative research study. *International Journal of Intercultural Relations*, 74, 69-79.
- Parthiban Muniandy. (2020). From the Pasar to the Mamak Stall: Refugees and migrants as surplus ghost labor in Malaysia's food service industry. *Journal of Ethnic and Migration Studies*, 46(11), 2293-2308.
- Pezerović, A., Babić, M. M., & Porobić, S. (2019). Parents in exile: Challenges of parenting among refugees and asylum seekers in Bulgaria. *Rev. soc. Polit*, 26(1), 97-114.
- Tip, L. K., Brown, R., Morrice, L., Collyer, M., & Easterbrook, M. J. (2020). Believing is achieving: A longitudinal study of self-efficacy and positive affect in resettled refugees. *Journal of Ethnic and Migration Studies*, 46(15), 3174-3190.
- UNHCR. (n.d.). What we do: Figures at a glance in Malaysia. Retrieved November 12, 2022, from <https://www.unhcr.org/en-my/figures-at-a-glance-in-malaysia.html>
- UNICEF. (2017). Education uprooted: For every migrant, refugee and displaced child, education. <https://www.unicef.org/reports/education-uprooted>
- Vickers, T., Clayton, J., Davison, H., Hudson, L., Romero, C. A. M., Biddle, P., Lilley, S., Fletcher, G., & Chantowski, M. (2016). *New migrants' in the North East workforce: Final report*. Nottingham Trent University.
- Wong, C. K., White, C., Thay, B., & Lassemillante, A.M. (2019). Living a healthy life in Australia: Exploring influences on health for refugees from Myanmar. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(1), 121.
- Wood, N., Charlwood, G., Zecchin, C., Hansen, V., Douglas, M., & Pit, S. W. (2019). Qualitative exploration of the impact of employment and volunteering upon the health and wellbeing of African refugees settled in Regional Australia: A refugee perspective. *BMC Public Health*, 19, 143.
- Yijala, A., & Luoma, T. (2019). The importance of employment in the acculturation process of well-educated Iraqis in Finland: A qualitative follow-up study. *Refugee Survey Quarterly*, 38, 314-340.